



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِيسْلَامِ نِغَرِي سَابَاهِ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

08 ZULKAEDAH 1445H/ 17 MEI 2024M

**MURABBI INSANI GENERASI MADANI**

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan kerjasama

Kementerian Pendidikan Malaysia

(Sempena Hari Guru 2024)

### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِّنكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ  
الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ ﴿١٥١﴾ (البقرة : 151)  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Marilah kita bersama meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita hari ini dan seterusnya sentiasa dalam naungan Allah SWT. Bersempena sambutan Hari Guru pada tahun ini, khatib akan membicarakan khutbah bertajuk **“Murabbi Insani Generasi Madani”**

### **TETAMU ALLAH SWT YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Tanggal 16 Mei setiap tahun telah ditetapkan sebagai tarikh Sambutan Hari Guru di seluruh negara. Ia bertujuan menghargai jasa dan pengorbanan guru sebagai murabbi ummah, sekali gus pewaris tugas para rasul. Bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 151:

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِّنكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ  
الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ ﴿١٣٠﴾

**Yang bermaksud:** “Samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul daripada kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (daripada amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (al-Quran) serta hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.”

Kerjaya sebagai seorang guru bukanlah semudah yang difikirkan kerana golongan ini perlu memikul tanggungjawab besar untuk mendidik anak bangsa agar menjadi insan yang berguna. Mereka mempunyai jiwa untuk menyalurkan ilmu kepada anak muridnya yang terdiri daripada pelbagai ragam dan latar belakang. Kasih seorang guru terhadap anak muridnya ibarat kasih ibu bapa kepada anak-anak. Guru juga sentiasa bersedia menghulur bantuan kepada anak didiknya tanpa mengira waktu. Mereka juga adalah kelompok insan yang diibaratkan sebagai lilin membakar diri demi menerangi jalan hidup anak didik mereka.

Dalam konteks pendidikan negara kita yang tercinta, Sasterawan Negara Almarhum Dato' Usman Awang pernah mengungkap bait-bait kalimat melalui sajak beliau yang amat menyanjung tinggi budi mulia dan khidmat bakti para guru.

*“Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa*

*Sejarahny dimulakan oleh seorang guru biasa*

*Dengan lembut sabarnya, mengajar tulis baca”*

Ketahuilah, seseorang yang berkerjaya hebat pada hari ini, realitinya bermula dengan didikan dan asuhan seorang guru. Sedarlah, tanpa

didikan seorang guru kita tidak mungkin mengenali Tuhan dan menjadi hamba yang soleh sebagaimana kata-kata hikmah:

"لَوْلَا مُرِّيِّ مَا عَرَفْتُ رَبِّي"

**Maksudnya:** "Sekiranya tiada guru yang mendidikku, maka aku tidak mengenali Tuhanku".

### **HADIRIN YANG DI RAHMATI ALLAH SWT,**

Pada hari ini, medan pendidikan semakin teruji dengan pesatnya perkembangan teknologi, terutamanya apabila melibatkan media sosial yang sukar dikawal. Implikasi media sosial jika tidak diurus dengan bijaksana akan cenderung kepada perbuatan yang negatif dalam kalangan penggunanya. Oleh itu, guru perlu bersedia dan membimbing murid untuk menggunakan teknologi agar seiring dengan nilai akhlak. Guru membentuk jiwa, memugar potensi anak bangsa. Sentuhan kasih sayang seorang guru, dan memberi bimbingan secara berterusan kepada murid tidak dapat diganti dengan teknologi.

Justeru guru sebagai seorang pendidik yang bertanggungjawab untuk membentuk peribadi dan jati diri anak murid, guru hendaklah kompeten dan bersedia untuk mengadaptasi pengetahuan teknologi digital agar seiring dengan tuntutan semasa terutama sekali dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P & P). Cabaran ini perlu disahut oleh guru dengan hati yang terbuka, justeru penambahbaikan diri juga perlu ditingkatkan oleh guru terutamanya dari segi akhlak dan adab, ilmu pengetahuan, sifat ihsan serta amalan integriti dalam setiap tindak tanduk yang dipersembahkan kepada murid dan masyarakat.

Selain menjadi ikon agar dapat diteladani oleh anak bangsa dalam pelbagai aspek, guru juga perlu menghindarkan diri daripada terlibat dengan anasir-anasir yang boleh mencemarkan imej serta profesyen

perguruan. Guru berjiwa pendidik perlu meyakini bahawa ilmu mesti dicari secara sukarela dan berterusan untuk membentuk keperibadian, perwatakan serta profesionalisme seseorang guru.

### **SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH SWT,**

Ruang lingkup sistem pendidikan tidak hanya terhad di sekolah sahaja, malah ia meliputi pelbagai fungsi dan peranan. Benar sekolah adalah wadah untuk anak-anak menuntut ilmu dan pengalaman yang bermakna, namun sokongan ibu bapa, penjaga dan masyarakat kepada guru sangatlah diharapkan, agar jalinan kerjasama yang berterusan dapat membentuk sahsiah anak yang baik lagi cerdik.

Nabi SAW bersabda yang **bermaksud**: "*Muliakanlah anak-anakmu, dan perelokkanlah adab mereka*". (HR Ibnu Majah)

Bagi merealisasikan hasrat kita bersama, sokongan dan dokongan daripada anggota masyarakat terhadap guru menjadi kayu ukur kejayaan sesuatu bangsa dan tamadun. Setiap anggota masyarakat perlu mengambil sikap peduli hal ehwal pendidikan anak-anak. Sebagai contoh, ada pihak-pihak yang berusaha untuk merangka aktiviti-aktiviti bagi memupuk minat dan kemahiran anak-anak, yang boleh meningkatkan nilai kematangan dan keyakinan pelajar dalam mendepani realiti kehidupan di masa akan datang.

Justeru, bagi memastikan dan menghasilkan pendidikan yang berkualiti dari segi kecemerlangan akademik dan sahsiah, semua pihak seperti Persatuan Alumni, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB), Pelibatan Ibu Bapa Komuniti dan Swasta (PIBKS), agensi-agensi kerajaan dan swasta serta masyarakat setempat perlu menjalinkan kerjasama yang erat dengan institusi pendidikan serta memberikan sokongan yang padu kepada para guru.

Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Maidah, ayat 2:

....وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ  
اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

**Maksudnya:** "...Tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat berat siksaan-Nya".

### **MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Menyimpul khutbah minggu ini, marilah kita sama-sama menghayati beberapa pengajaran sebagai panduan dalam kehidupan seharian:

1. **Pertama:** Guru mempunyai peranan yang besar dalam menyampaikan ilmu bagi membentuk murid yang berakhlak mulia, seterusnya menyumbang kepada masyarakat yang bertamadun, beriman dan bertakwa kepada Allah SWT.
2. **Kedua:** Ibu bapa perlu memastikan kesinambungan ilmu yang diajar di sekolah dipraktikkan di rumah atau di mana sahaja bagi memberi nilai tambah kepada proses pembentukan akhlak dan jiwa anak-anak, dan
3. **Ketiga:** Masyarakat hendaklah bersedia menyokong dan berganding bahu dengan guru bagi mewujudkan murid yang berpengetahuan, berketerampilan, berdikari dan berupaya menjadi generasi pelapis kepimpinan negara di masa akan datang.

Firman Allah SWT dalam surah al - 'Araf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالأَرْضِ  
وَلَكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya: “Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى  
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ  
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ  
الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى  
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانِ أَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ  
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفَرْتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ  
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا  
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.



Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan, serta menangkanlah mereka dengan bantuan bala tentera-Mu yang tidak terduga oleh mereka.

*Ya Allah, turunkanlah hujan kepada kami, hujan yang lebat merata, mengairi, menyuburkan, bermanfaat tanpa mencelakakan, turunkanlah hujan di sekitar kami, turunkanlah hujan ke dataran tinggi, gunung-ganang, bukit-bukau, lembah, dan tempat tumbuhnya pepohonan.*

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .  
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / [iheains.penerbitan@gmail.com](mailto:iheains.penerbitan@gmail.com) untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.